

# **PERINGKAT PERTAMA:**

## **PENILAIAN BERDASARKAN LAPORAN PROJEK**

- Tarikh Akhir Penghantaran Laporan: 4 September 2023**

- Garis Panduan:**

- Gunakan Kertas A4.
- Gunakan font Arial.
- Tajuk ditulis dengan font bersaiz 20 pt, bold, tengah.
- Nama pelajar dan sekolah ditulis dengan font 14 pt, tengah.
- Tajuk utama: 14 pt, bold, sebelah kiri.
- Subtajuk utama: 12 pt, bold, sebelah kiri.
- Gunakan selang 1.5.
- Rajah dan jadual perlu dilabel dan dinomborkan dengan betul.
- Laras bahasa dan format penulisan perlu diedit dan disemak sebelum penghantaran laporan dibuat.
- Format laporan:

<b>Perkara</b>	<b>Penerangan</b>
Tajuk Projek	Nyatakan tajuk projek, nama peserta dan nama sekolah. Tajuk perlu ditulis dengan ‘bold’ dan mudah dibaca.
Abstrak	Sinopsis kepada keseluruhan kajian. (nyatakan persoalan kajian, hipotesis, methodologi, hasil analisis dan kesimpulan kajian)
Isi Kandungan	Nyatakan bilangan dan nombor muka surat mengikut topik. Nombor muka surat diletakkan di bahagian tengah atau hujung kiri setiap muka surat.
Penghargaan	Senaraikan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, bahan, sokongan dalam menjayakan projek.
Pengenalan	Latar belakang projek, Penyataan Masalah, Signifikan kajian, Takrif istilah, Skop dan batasan kajian, perbandingan kajian lepas.
Metodologi/Proses Kajian	Rekabentuk dan perincian projek, Bahan dan alatan, rawatan atau prosedur yang dijalankan.
Eksperimen	Terangkan metodologi yang digunakan untuk pengumpulan data dan pemerhatian. Sertakan foto atau lakaran bahan projek atau penyelidikan. Pengumpulan data projek atau penyelidikan boleh direkodkan dalam buku data.

Hasil kajian	Analisa data, tafsiran keputusan dan hasil dapatan.
Perbincangan dan Kesimpulan	Bahagian terpenting. Keputusan dan perbincangan perlu dianalisis secara terperinci, membuat perbandingan antara nilai teori dan praktikal, semakan data di jurnal dan sebagainya. Bincangkan inovasi atau pembaharuan jika ada. Ringkasan keputusan perlu spesifik.
Rujukan	Senarai rujukan hendaklah disertakan jika melibatkan dokumentasi yang bukan hasil persendirian mengikut format tertentu.  (Contoh: Tajuk buku, artikel, jurnal, nama pengarang, tahun terbitan, muka surat, dsb.)
Apendiks	Rajah, jadual, gambar, graf dan apa sahaja bahan visual yang diperolehi dari eksperimen yang dijalankan.